

TARIKH	27/12/2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	32	RUANGAN	Setempat

Ibadah haji

Boleh keluar duit KWSP

KUALA LUMPUR: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semalam memperkenalkan Pengeluaran Haji yang membolehkan ahli KWSP mengeluarkan simpanan mereka sehingga RM3,000 daripada Akaun 2 bagi membiayai kos ibadah haji berkuat kuasa 1 Januari ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi KWSP Datuk Ibrahim Taib berkata, permohonan mudah tanpa perlu mengisi borang itu boleh dibuat ahli berumur kurang 55-tahun dengan syarat mereka sudah menerima surat tawaran menunaikan haji daripada Lembaga Tabung Haji (LTH).

"Bagaimanapun ahli diingatkan pengeluaran ini ha-



"Pengeluaran ini hanya boleh dibuat sekali seumur hidup dan hanya layak bagi mereka yang tidak mempunyai simpanan yang cukup"

>Datuk Ibrahim Taib

nya boleh dibuat sekali seumur hidup dan hanya layak bagi mereka yang tidak mempunyai simpanan yang cukup di LTH," katanya dalam satu kenyataan di sini,

semalam.

Untuk membuat permohonan pengeluaran haji itu, Ibrahim berkata ahli yang layak boleh berkunjung ke mana-mana cawangan KWSP

dengan mengemukakan kad pengenalan, surat tawaran LTH dan buku akaun simpanan LTH yang telah dikemaskini.

"Ahli juga diingatkan agar mengemukakan permohonan haji selewat-lewatnya tiga hari bekerja sebelum tarikh akhir menjawab pengesahan menunaikan haji seperti ditetapkan LTH bagi memudahkan proses permohonan mereka," katanya.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, beliau berkata ahli yang berminat boleh mengunjungi laman web myE-PF di www.kwsp.gov.my atau menghubungi Pusat Panggilan KWSP di talian 03-8922 6000 dan boleh bertanyakan apa saja mengenai proses ini. - Bernama